

Rangsang semangat tekun bekerja: Najib

BH - 22/5/2007

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak, percaya keputusan kerajaan memberi kenaikan gaji kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan merangsang semangat serta mutu perkhidmatan pasukan keselamatan.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan berkata, kenaikan gaji yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, itu adalah pertimbangan khas kerajaan terhadap sum-

bakan anggota tentera dan polis menjaga keselamatan negara.

"Kenaikan yang lebih tinggi untuk anggota polis dan tentera ini sangat bermakna kepada mereka kerana ia adalah sesuatu yang memang sangat dinantikan dalam usaha membantu meringankan beban mereka selama ini.

"Ini diberikan sebagai pertimbangan khas kerajaan atas sumbangan anggota tentera dan polis menjaga keselamatan negara kerana mereka terdedah kepada begitu banyak du-

gaan dan rintangan dalam menjalankan tugas.

"Tentu sekali keputusan kerajaan dan Perdana Menteri ini akan memberi rangsangan yang amat kuat kepada anggota tentera dan polis," katanya kepada pemberita selepas majlis Perhimpunan Hari Pekerja Sektor Awam 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, di sini semalam.

Anggota ATM dan PDRM mendapat tambahan 20 peratus daripada peratusan kenaikan gaji pokok ka-

kitangan awam lain di antara 7.5 peratus dan 35 peratus.

Ditanya sama ada kenaikan gaji itu bermakna kerajaan akan mengadakan pilihan raya umum lebih awal, Najib sekadar berkata: "Oh, tidak!"

Sementara itu, ketika ditemui selepas Mesyuarat Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) di sini petang semalam, Najib berkata kerajaan mempunyai kemampuan kewangan untuk membiayai kos kenaikan gaji kakitangan sektor awam.